

NOTA PERCAKAPAN YAB PERDANA MENTERI: PROGRAM TEMU ANWAR DI UPNM

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 01/11/2024

SESI PENERANGAN MENTERI BERHUBUNG

**SIDANG KEMUNCAK TERGEMPAR NEGARA-NEGARA ARAB
DAN ISLAM BERKENAAN ISU PALESTIN DI RIYADH, ARAB
SAUDI PADA 11 NOVEMBER 2024**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Saya telah menerima jemputan dari YTM Raja Arab Saudi untuk menghadiri satu Sidang Kemuncak Bersama Tergempar Negara-Negara Arab dan Islam pada 11 November 2024 di Riyadh, Arab Saudi.
2. **Pada 18 September 2024, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan satu**

Resolusi di 10th Emergency Special Session (ESS), Resolusi ES-10/24 di mana masyarakat antarabangsa menggesa penamatan pendudukan haram Israel di Wilayah Palestin Yang Diduduki (OPT) dalam tempoh 12 bulan, berlandaskan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Majlis Keselamatan PBB; serta menuntut keadilan untuk rakyat Palestin.

3. Pelaksanaan Resolusi ES-10/24 perlu disegerakan memandangkan situasi di OPT semakin meruncing akibat serangan tanpa henti oleh rejim Zionis Israel. Menurut laporan baru mengenai Situasi di Palestin oleh Pelapor Khas PBB Francesca Albanese, tindakan kejam Zionis adalah satu tindakan genosid.
4. **Oleh yang demikian, kehadiran saya ke Sidang Kemuncak tergepar ini adalah untuk membawa mandat Dewan ini, iaitu untuk mengambil tindakan bagi menghentikan kekejaman berterusan Israel ke atas rakyat Palestin; pencerobohan dan pemusnahan pusat-pusat ibadah di Wilayah Palestin Yang Diduduki (OPT); serangan terbuka ke atas wilayah-wilayah di Lubnan; dan Iran, termasuk pembunuhan Ismail Haniyeh dan Yahya Sinwar.**
5. Selain itu juga, persidangan ini akan membincangkan permasalahan semasa yang dihadapi oleh Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East – UNRWA), berikutan keputusan rejim Israel

mengharamkan operasi pertubuhan bantuan kemanusiaan tersebut pada 28 Oktober 2024 baru-baru ini.

CADANGAN TINDAKAN MALAYSIA DI SIDANG KEMUNCAK TERGEMPAR

6. Adalah penting bagi Malaysia dan komuniti antarabangsa mengutuk jenayah genosid di Palestin, memberi tekanan ke atas Israel untuk melaksanakan gencatan senjata dengan segera bagi membolehkan bantuan ubat, makanan dan keperluan kemanusiaan lain dihulurkan kepada rakyat Palestin.
7. Untuk menggerakkan Special Committee against Apartheid di PBB ke atas Israel.
8. Malaysia akan mengusulkan ke Persidangan Kemuncak Negara-Negara Arab dan Islam agar sokongan sepenuhnya diberikan kepada UNRWA dalam melaksanakan mandatnya dalam memberi perkhidmatan sosial dan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di OPT dipertahankan dan diperkukuhkan.
9. Malaysia berhasrat menggunakan Sidang Kemuncak ini untuk meraih sokongan negara-negara Arab dan Islam terhadap inisiatif tersebut dan menghalang pelaksanaan keputusan Parlimen Israel (Knesset) pada 28 Oktober 2024 lalu, yang bertujuan melenyapkan UNRWA

dan memburukan situasi kemanusiaan di utara Gaza yang mengalami kebuluran setelah terputus bantuan asas sejak sekian lama.

10. Salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah bagi Sidang Kemuncak Negara-Negara Arab dan Islam memberi sokongan kepada usaha mediasi gencatan senjata oleh Amerika Syarikat, Mesir, dan Qatar. Sejak Mei lepas, ketiga-tiga negara ini telah membangunkan satu kerangka perjanjian yang perlu dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.
11. Penyertaan Malaysia sebagai ahli Perikatan Global juga sebahagian usaha untuk meningkatkan tekanan diplomatik ke atas Israel bagi melaksanakan gencatan senjata kekal di Gaza, menggesa pembebasan tahanan Palestin dan menangani penderitaan rakyat Palestin menerusi penyambungan segera bantuan kemanusiaan.
12. Seterusnya membincangkan pembangunan Pelan Tindakan dan mengenal pasti langkah-langkah konkrit ke arah mencapai kemerdekaan Negara Palestin dalam tempoh garis masa yang munasabah dan jelas.
13. Sebagai sebuah negara yang mendukung prinsip keadilan dan perundangan antarabangsa, Malaysia komited dalam memperjuangkan hak Palestin sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, menerusi dialog, kerjasama, dan penyelesaian yang adil. Malaysia berpandangan pendekatan ini adalah penting ke arah mencapai kestabilan dan keamanan kekal di Timur Tengah.

**AGENSI BANTUAN DAN KERJA UNTUK PELARIAN PALESTIN
DI ASIA BARAT (UNITED NATIONS RELIEF AND WORKS
AGENCY FOR PALESTINE REFUGEES IN THE NEAR EAST –
UNRWA)**

14. Rentetan perkembangan ini, pada 31 Oktober 2024, Malaysia telah menyertai Kumpulan Teras (Core Group), bagi penyediaan satu draf resolusi Perhimpunan Agung PBB memohon Pendapat Nasihat (Advisory Opinion) Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai obligasi Israel dalam membenarkan aktiviti dan kehadiran PBB, agensi-agensi di bawah PBB, organisasi-organisasi antarabangsa dan negara ketiga di Wilayah Pendudukan Palestin (OPT) yang dilaksanakan dengan persetujuan Kerajaan Palestin untuk manfaat orang awam Palestin di Wilayah itu.
15. Draf resolusi ini sedang dalam proses rundingan dan dijangka akan dibentangkan di Perhimpunan Agung PBB untuk kelulusan dalam masa terdekat. Setelah diluluskan kelak, resolusi tersebut dijangkakan menjadi landasan perundangan bagi membolehkan UNRWA terus memberikan khidmat asas seperti pendidikan, perawatan kesihatan dan bantuan kemanusiaan, yang telah memberikan faedah kepada lebih 6 juta pelarian Palestin di Gaza, Tebing Barat, Jordan, Lubnan dan Syria.
16. There is no alternative to UNRWA, dengan izin Tan Sri Yang di-Pertua, adalah kenyataan daripada 15 ketua agensi PBB dan organisasi kemanusiaan. Selama 75 tahun UNRWA merupakan tali hayat utama penyaluran bantuan antarabangsa kepada rakyat

Palestin. Peranan penting UNRWA di Palestin juga disokong penuh Malaysia, di mana sejumlah USD 1 juta telah disumbangkan kepada UNRWA bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025, iaitu sebanyak USD 200,000 setiap tahun.

17. Berikutan konflik yang memuncak sejak Oktober 2023, Malaysia juga telah menyumbang bantuan kewangan tambahan berjumlah USD 5.2 juta kepada UNRWA untuk meringankan beban dan membantu mangsa-mangsa kekejaman Israel. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan UNRWA masih berada dalam keadaan defisit sebanyak USD 80 juta.
18. Sokongan berterusan Malaysia terhadap UNRWA mendapat penghargaan daripada Encik Philippe Lazzarini Pesuruhjaya Agung UNRWA, yang telah dizahirkan kepada YB Menteri Luar Negeri semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-79 yang lalu. Beliau turut memohon agar Malaysia membantu Agensi tersebut meraih sokongan Negara-Negara Sepemikiran mempertahankan dan memperkasakan mandat dan keboleupayaannya untuk terus memberi perkhidmatan kepada rakyat Palestin.

PERKEMBANGAN SEMASA KONFLIK ISRAEL-PALESTIN

19. Sudah setahun, Israel melaksanakan genosid di bumi Gaza. **Sehingga 1 November 2024, konflik di Gaza telah mengorbankan 43,204 orang rakyat Palestin (termasuk**

16,500 kanak-kanak), dan 1,200 rakyat Israel. 101,641 orang rakyat Palestin dilaporkan cedera, manakala 11,000 orang lagi dilaporkan hilang. Secara purata 118 rakyat Palestin terkorban dan 277 lagi cedera setiap hari sejak Oktober 2023.

20. Situasi Gaza malangnya terus meruncing dan seperti mana saya tegaskan kerana keganasan itu tanpa henti with impunity dengan izin dan dengan dukungan langsung dan tidak langsung dari negara-negara sekutu Israel.

Tan Sri Yang di-Pertua,

21. Keterangan terperinci boleh saya edarkan, tapi untuk membolehkan rakyat mengikuti perkembangan, saya telah memilih untuk memberikan penjelasan ringkas dan pendirian Malaysia yang akan kita bentangkan untuk pertimbangan negara-negara Islam dan Arab di Riyadh. insha allah kepada 11 hari bulan ini. terima kasih. terima kasih.

Soalan daripada YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman, Ahli Parlimen Sik

Minta YAB Perdana Menteri menyatakan:

1. Mengumumkan jumlah yang akan diberikan kepada Tabung UNRWA;

2. Meminta Kerajaan membuat keputusan tegas dan menyemak kembali penjualan saham MAHB kepada GIP, Blackrock;
3. Menjelaskan bagaimana operasi Ops Ihsan, adakah operasi ini akan diteruskan jika sempadan ditutup atau disekat; dan
4. Malaysia tidak boleh lagi menyatakan mengenai penyelesaian two state solution kerana penyelesaian itu tidak diendahkan oleh Israel, dan menyatakan pembebasan mutlak kepada Palestin adalah hak rakyat Palestin.

Soalan daripada YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Ahli Parlimen Ledang

Minta YAB Perdana Menteri menyatakan:

1. Menyuarakan cadangan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menyekat penggunaan dana untuk tujuan membekal senjata kepada Israel;
2. Apakah tindakan Malaysia untuk mendapatkan kesepakatan serantau di Asia Tenggara untuk isu Palestin;
3. Apakah tindakan Malaysia untuk terus menyalurkan bantuan kepada rakyat Palestin walaupun mempunyai pelbagai sekatan;

4. Adakah Malaysia akan menghantar tentera pengaman untuk memberikan desakan kepada Israel dan perlindungan kepada rakyat Palestin.

Jawapan YAB Perdana Menteri:

1. Terima kasih Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Ledang yang memberikan kerjasama dan penerangan yang akan membantu usaha Kerajaan dan pendirian saya di Riyadh nanti. Insha-Allah.
2. Setahun berlalu kenyataan-kenyataan keras telah dilakukan dan kalau setakat Malaysia seperti Yang Dipertua tahu berdepan dengan Presiden Amerika Syarikat atau Perdana Menteri Jepun atau Canselor Jerman dan ini bukan perkara yang mudah. Kerana kita mengambil kira pertimbangan kepentingan pelaburan, pekerjaan rakyat. Tapi untuk isu kemanusiaan dan menentang kezaliman, penjajahan, kita tetap berdiri teguh, berprinsip sehingga juga ada sedikit kerugian. Umpamanya bila kita putuskan untuk membatalkan semua pendaratan kapal ZIM ke Malaysia yang diizinkan sebelumnya. Tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa Negara sebagai negara bebas dan merdeka, berdaulat dan kita punyai prinsip dan pendirian menegakkan keadilan di mana jua. Hal ini tidak boleh dipertikai. Kita akan terus dengan lebih tegas.
3. Soalan ditanya oleh YB Sik dan YB Ledang tentang dukungan kepada UNRWA. Dukungan kemanusiaan dari segi bantuan wang tunai itu lebih RM100 juta telah dimaklum sebelum ini. Atas usaha Menteri

Pertahanan, Menteri Luar Negeri kita telah bawa pesakit-pesakit parah, anak-anak terutama dari Gaza untuk dirawat di Hospital Tentera.

4. Dan ini akan diteruskan khusus untuk UNRWA. Setakat ini, dana yang telah diperuntukkan dan diserahkan kepada UNRWA adalah RM25 juta. Dan kita sedang berbincang bawah Kementerian Luar Negeri dan UNRWA untuk melihat keperluan menyegerakan.
5. Di samping itu, pertanyaan tentang bantuan kemanusiaan seterusnya dalam keadaan sekatan-sekatan, kita terpaksa bergantung utamanya dengan Kerajaan Mesir dan keduanya dengan Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Saya akan berunding dengan Presiden Abdul Fattah El-Sisi, Mesir pada 10 hari bulan, pertama mengucapkan terima kasih kerana Mesir beri laluan khas kepada usaha bantuan kemanusiaan Malaysia ke Arafah tetapi sekarang dihalang oleh Israel. Maka bantuan badan risikan dan juga Kerajaan Mesir sangat kritikal. Setakat ini kita tidak hadapi apa-apa masalah dengan Kerajaan Mesir atas kerjasama yang diberikan oleh Presiden. Namun, hal ini harus dijadikan satu strategi utama terutama negara Arab yang berjiran kerana pendirian mereka itu akan menentukan sama ada bantuan itu lebih berkesan atau tidak.
6. Saya setuju dengan gesaan kedua-dua Ahli Parlimen. Sebenarnya yang dicadangkan itulah pembebasan mutlak. Tidak ada negara di dunia yang harus mengizinkan penjajahan. Apa yang berlaku di tebing barat Gaza wilayah Palestin ini adalah penjajahan dan negara Israel itu hanya ditubuh pada tahun 1948, itupun atas gesaan

kerajaan Inggeris dan sikap concerns Jerman dan Eropah kerana apa yang mereka lakukan terhadap orang Yahudi dan negara mereka.

7. Kita semua maklum, pendirian Malaysia ini terikat dengan secara pragmatic apa yang boleh dilakukan kita boleh tuntutan apa sahaja. Tetapi pendirian kita mestilah secara konsensus berunding sekurang-kurangnya di negeri-negeri Arab, negeri Islam dan ruang yang ada dalam PBB. Sebab itu, pendirian kita masih tidak berganjak dari pembebasan mutlak. Langkah awal yang disebut ialah Two-State Solution. Ini tentunya tidak dipersetujui oleh ramai. Saya faham. Termasuk pendirian Hamas pada peringkat awal. Tapi kita juga harus tahu bahawa Liga Arab telah buat keputusan bersama Qatar, Mesir dan kemudian Amerika Syarikat. Dan Hamas bersetuju sebagai langkah awal tentang pendirian yang sama.

8. Tapi seperti mana disebut oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi yang menentang keras apa sahaja pengiktirafan. Apakah ianya Two State? One State? menentang keras kehadiran orang Palestin, itu adalah Israel. Sebab itu kita sebagai satu negara agak bingung. Negara, negara bicara soal demokrasi, hak asasi, keadilan, negara-negara yang berjuang berhempas pulas menentang kezaliman dan penjajahan masih beri ruang kepada penjajah baru, kezaliman baru, apartheid baru dan genoside dan ini bagi saya yang harus disuarakan. Soal penyelesaian itu tentunya akan dirangka oleh rakyat Palestin sendiri bersama dengan rakan-rakan mereka dengan negara jiran. Jadi itu setakat pendirian kita yang munasabah peringkat ini yang kita boleh lakukan.

9. Ada yang mencadangkan tentang kedudukan kita dalam hal syarikat-syarikat.

Tan Sri Yang Dipertua,

10. Pendirian Malaysia tegas tidak banyak di negara-negara di dunia ini mengambil keputusan seperti Malaysia lakukan. Janganlah menggesa kita buat lebih daripada itu kerana semasa rakan-rakan sebagaimana Yang Berhormat Sik tahu, mereka dalam pemerintahan pun mereka tidak lakukan begitu. Malah mereka mengizinkan ZIM berlabuh. Kita tidak mengizinkan, jadi kita ambil langkah lebih daripada itu. Cuma sekarang ini ada bangkitkan soal syarikat-syarikat, puluhan malah ratusan syarikat yang ada kerjasama dagangan dengan Israel. Yang berdagang dengan semua negara termasuk Malaysia dan di semua negeri termasuk negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang. Jadi kita kena ambil keputusan yang agak konsisten. Apakah keputusan kita ini melibatkan bantahan terhadap negara kerana penjualan itu dengan izin negara. Tidak ada penjualan kelengkapan tentera. Kelengkapan ketenteraan yang tidak yang boleh berlaku tanpa izin negara.
11. Baik, ini yang kita buat setakat yang kita lakukan, saya harap Yang Berhormat faham ya, saya juga bertanggungjawab untuk menjaga bukan sahaja keamanan tetapi kepentingan rakyat dan Negara ini. Jadi janganlah kita kalau kita cadang, dia bukan satu syarikat. Saya nak sebut di sini. Kalau nak jadikan ini hujah kita boleh sediakan ruang di Parlimen. Beberapa puluhan syarikat-syarikat bertapak di semua negeri di Malaysia ini yang mempunyai kaitan secara langsung

atau tidak langsung termasuk sama ada kelengkapan atau parts atau saham senjata dan syarikat yang ada kepentingan dengan Israel.

12. Jadi keputusan itu harus keputusan yang tidak hanya retorik untuk menarik perhatian orang ramai. Ya kerana dari segi ketegasan saya bukan hendak astagfirullahalazim, bukan nak takabbur, saya telah mengambil langkah yang melampaui kesanggupan banyak negara-negara. Ya, dan ramai rakan-rakan daripada negara-negara yang mengingatkan saya tentang risiko ini.
13. Pagi tadi saya berbincang dengan Menteri Luar Negeri tentang kenyataan-kenyataan kita dan bagaimana menangani supaya Malaysia terjejas? Kalau saudara baca buku-buku terakhir tentang peranan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, berapa pemerintahan yang mereka gulingkan? kerana pendirian yang tegas yang mereka anggap bertentangan dengan sikap dan pendirian mereka ini. Ini risiko yang saya fikirkan, saya tidak ketepikan, tapi yang saya mohon dalam hal ini, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Sik dan Ledang dan ada kesan pakatan, kita bawa mesej ini dulu dan kita lihat beberapa kekuatan, kita runding dengan tegas.
14. Sebab itu di Mesir, insya Allah petang ini ke negeri China tentu saya akan berterima kasih kerana kenyataan Presiden Xi Jinping di sidang BRICS di Kazan itu sangat tegas, sangat tegas, tegas Negara China. Saya akan berikan dukungan kita terhadap kenyataan dan gesaan supaya sesuatu yang lain tambahan dilakukan.

15. Saudara juga tahu tentang kehadiran kita di BRICS kerana sikap di negara selatan yang telah kuat bersuara sekarang, dia tidak lagi seperti dulu. Jadi strategi kita lebih baik membina kekuatan dalaman dan kekuatan bersama negara-negara sama ada Arab atau Islam atau Global South, negara-negara selatan yang punyai kekuatan, pada saya itu lebih realistik melihat kepada permasalahan dunia yang rencam dan rumit yang ada sekarang.
16. Saya faham tekanan yang diberikan dan saya tidak memperkecil kerana mungkin dari hasrat yang sungguh-sungguh kerana kita rasa resah dan sedih terhadap apa yang berlaku setiap hari ya belum pernah berlaku dalam sejarah moden apa yang dilakukan ke atas seorang rakyat Palestin. Maknanya orang-orang yang biadap dan gila sahaja bagi sayalah pendapat saya, jangan sebutlah soal demokrasi, hak asasi yang mampu lihat dan mengizinkan memberi hujah mempertahankan keadilan ini. Jadi bab ini saya ucap ribuan terima kasih tentang pendirian yang telah diberikan.
17. Saya hanya hendak ambil kesempatan yang akhir di sini iaitu tentang kedudukan rakan-rakan kita tentera Malaysia, MALBATT di Lubnan. Kita melalui Kementerian Pertahanan, Menteri Pertahanan berhubungan dengan petugas di sana hampir harian, melihat keberadaan mereka, keselamatan mereka. Tapi ini kita terikat dengan The United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dan setakat ini Duta Besar masih di Beirut, masih memantau keadaan dan ada giliran penukaran pasukan yang ada kepada pasukan baru kerana tamat tempoh, yang akan tiba di sini di sekitar 6 hingga 19 November dan kemudian penggantian kumpulan MALBATT yang lain.

18. Malaysia bersama-sama 33 buah negara yang lain adalah penyumbang anggota UNIFIL yang lain telah buat kenyataan bersama yang diterajui oleh Poland mengecam tindakan serangan Israel.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

19. Negara kuasa besar pun dalam sejarah mutakhir tidak segila dan sekejap dan segi zalim Israel seperti yang berlaku sekarang. Jarang dalam sejarah kita lihat umpamanya sanggup mengeneipkan semua peraturan dunia, semua hukum dan undang-undang. Sehingga melibatkan risiko ke atas petugas-petugas PBB di Lubnan.
20. Sebab itu atas inisiatif Poland kita menyokong dan melakukan kenyataan bersama oleh 33 buah negara yang mengutuk serangan itu tetapi sementara itu tetap mempertahankan keperluan mengekalkan UNIFIL untuk keselamatan rantau yang bertelagah selama ini.
21. Jadi ini pendirian kita tentu ada yang menggesa supaya kita menarik pulang, tetapi pendirian kita adalah pendirian bersama dengan pasukan UNIFIL dan kita membuat keputusan bersama Malaysia, Indonesia dan pasukan Malaysia itu disertai oleh Brunei dan ini pendirian bersama yang kita ambil.
22. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan semua ahli Yang Berhormat termasuk dua (2) jurucakap dan insha-Allah kita

akan lakukan sebaiknya. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Terima kasih.

NOTA PERCAKAPAN

(VERBATIM)

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

PROGRAM TEMU ANWAR DI UPNM

1 NOVEMBER 2024 (JUMAAT) | 10.30 PAGI

UNIVERSITI PERTAHANAN MALAYSIA (UPNM)

KUALA LUMPUR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera. Syukur Alhamdulillah.

Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem.

Terima kasih kepada:

YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir,

Menteri Pendidikan Tinggi;

YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Norden,

Menteri Pertahanan;

YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud,

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi;

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang,

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi;

YBhg. Tan Sri (Dr.) Syed Azman bin Syed Ibrahim,

Pengerusi Lembaga Pengarah UPNM;

YBhg. Lt Jen Datuk Mardzuki bin Muhammad;

Naib Canselor UPNM; dan semua yang hadir.

1. Sememangnya ini kesempatan pertama saya menemui mahasiswa dan staf di UPNM, dan tentu harapannya agak tinggi, kerana ada sesuatu yang agak istimewa dan unik dalam pembentukan dan latihan di universiti ini.
2. Universiti ini mempersiapkan tenaga barisan depan pertahanan negara, kecekalannya, kepintarannya, kemahirannya, keterampilannya, semua itu diasaskan di sini, maka tidak salah kalau kita meletakkan pengharapan yang tinggi dan tanggungjawab yang besar, dan saya datang untuk bagi mesej itu.

3. Memang benar melalui Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertahanan tumpuan itu agak utama di universiti ini, bukan maksudnya untuk meminggirkan kepentingan universiti-universiti lain. Tetapi mana-mana negara, permulaannya itu adalah keselamatan. Saya masih ingat lagi bila Khalifah Umar Abdul Aziz, salah seorang pemimpin Islam yang terkemuka selepas Khulafa al-Rasyidin, itu bila ditanya oleh anaknya Abdul Malek, anaknya itu agak semangat kental, kuat, minta ayahnya itu laksanakan Islam segera, jangan tolak ansur, jangan tolak ansur untuk melaksanakan syariah, dan sebagainya. Dan kebijaksanaan pimpinan ini jawapannya itu menarik ya, “laa taj ‘al yaa bunaiyya” (jangan gopoh wahai anakku, kerana kalau terlalu gopoh ada kerosakkan), dia jawab susulan dari itu satu hal yang sangat relevan untuk perhatian saudara. “Tanggungjawab saya sebagai khalifah, katanya ialah pastikan keamanan dan kestabilan negara ini. Pada masa itu adalah wilayah Islam. Ini kadang-kadang dalam kita memacu pertumbuhan yang agak cergas dan rancak kita lupa. Saya lihat dalam perdebatan di Parlimen dan sebagainya, ini dianggap sebagai satu yang biasa, dia lupa bahawa negara ini boleh memacu pertumbuhan, negara ini boleh mejadi hub semi konduktor, negara ini boleh menuju ke arah energy transition, dan mendapat tarikan dunia, pelabur-pelabur besar dalam bidang digital dan Ai. Itu kerana apa? Kerana negara ini aman dan stabil. Maknanya faktor keselamatan negara dan anak-anak muda dilatih untuk memimpin negara ini. Itu satu tugas yang sangat besar.

4. Saudara-saudara lebih arif daripada saya tentang teori peperangan. Peperangan atau serangan kadang-kadang berlaku dalam keadaan yang paling mengejutkan, tidak dijangka. Winston Churchill sebelum Perang Dunia Ke-2, tatkala membicara soal Hitler, dia kata ini soal

anak muda yang bengis yang fikirkan soal kekuatan dan semangat negaranya, Nazism dan sikap pelampau tapi tidak merbahaya, itu Churchill. Churchill itu diantara yang dianggap sejarawan, pemikir pintar, walaupun he is the great imperialis, kejam terhadap negara-negara yang dijajah, tetapi masih melakukan kesilapan besar. Apa kesilapan besar dia? Dia tidak melakukan dan tidak menganggap ada kemungkinan serangan. Saya tidak mengandaikan kita ada masalah itu, jangan-jangan, karang media kata “Anwar mengandaikan Malaysia akan diserang bila-bila masa”, jangan dong! Tetapi yang saya katakan mana-mana negara pun dia tidak boleh meremehkan soal persiapan yang cukup. Apa maksud persiapan? Persiapan yang dimaksudkan itu tentulah latihan, kecekalan, keterampilan, kepintaran, pemikiran yang strategik dan kelengkapan yang baik, dan ini ada kaitannya dengan soal disiplin dan nilai. Sebab itu kalau soal disiplin di universiti lain itu penting, tetapi di universiti ini maha penting.

5. Saya sebut pada Naib Canselor tadi, lima (5) senior saudara-saudara di Sg Buloh, saya kebetulan tatkala training di Sg Buloh saya sempat jumpa mereka. Anak-anak itu baik, sopan, cerdas, tapi saya tak boleh lama, saya kan dikawal rapi, saya minta kepada Pegawai-Pegawai Penjara yang agak simpati saya nak jumpa untuk tahu apa masalah mereka sampai begitu sekali. Dan ini saya nak bagi pandangan supaya anak-anak betul-betul teliti. Ia kelompok kecil, bukan mewakili keseluruhan mahasiswa. Tetapi budaya itu mengizinkan, dan ini budaya samseng, buli, gangsterism, dalam sistem pendidikan kita di sekolah-sekolah, sekolah kebangsaan, sekolah Cina, Sekolah Tamil, Maahad Tahfiz, sekolah agama, ini menyebut kepada satu aliran kegilaan, kerana kita bicara soal ilmu, dan rituals tidak akhlak dan nilai. Kita ada disiplin ketenteraan tetapi tidak tahu disiplin itu

mendidik manusia, yang disebut dalam Al-Quran, walaqad karamna bani adam itu mengangkat darjat kemanusiaan, itu tidak hanya kepada ilmu, ilmu itu penting tapi pada penghayatannya. Sebab itu kalau tanya saya apa dia falsafah pendidikan? Itu dalam rumusan hadis Nabi Muhammad SAW, “Addabani Rabbi fa-ahsana ta’dibi” itu melatih, mendidik adab dan akhlak. Jadi ini adalah cabaran bagi kita, pimpinannya, Naib Canselor, Profesor dan pensyarah, termasuk saya dan rakan-rakan menteri bahawa dalam program pendidikan dan latihan, aspek nilai dan akhlak ditekankan kerana kelemahan kita menyebabkan kita mengambil sifat permissive mengalah dan tolerance terhadap bullying. It cannot happen if the culture rejects that. It creates traditional and culture yang berlaku dalam negara kita. Sebab itu saya beritahu kepada Menteri Pendidikan, jangan tolak ansur. Kita sudah bagi amaran, dan nasihat, jangan tolak ansur sama sekali kerana ia tidak berlaku secara terpisah, ia berlaku kerana budayanya yang kita pertahankan. Itu sahaja yang saya hendak ulangi.

6. Apa hubungan dengan pendidikan yagn ingin saya sampaikan kerana apa ertinya kepintaran, dan keterampilan kehebatan dan kemuliaan tanpa nilai dan adab. Kita latih, pemimpin-pemimpin dunia yang dianggap korup, apakah saudara ingat dia bodoh, tidak ada pendidikan? Tidak ada kemahiran? Ada, tetapi rendah akal budi dan nilainya. Ini termasuk apa yang saya katakan sistemik dalam semua bidang. Termasuk apa yang dibicarakan saudara-saudara dalam bidang ketenteraan, cara beli senjata, cara tender, cara rundingan, cara komisen, ini semua ada kaitan dengan nilai dan akhlak. Jadi cabaran kepada anak-anak ialah keterampilan, kebijaksanaan dan tentunya nilai.

7. Sebab itu saya sering sebut dalam sesi dialog dengan anak-anak mahasiswa, apabila Saidina Ali ditanya tentang pendidikan, baginda berkata pendidikan itu mesti sampai ke tahap “lazzatul ma’rifah” (the love for scholarship, with good character and good values). Dia sebut ‘ma’rifah’, ma’rifah itu adalah wisdom, wisdom itu hanya dengan pemupukan nilai. Kalau saudara-saudari yang familiar dengan western literature, I’m sure you recognised this TS Elliot for example, dia categorize information, knowledge and wisdom. Kita ini information bercambah dengan sosial media, dengan IT, name it of the answer. That called information. Ada information yang menyesatkan yang merendahkan akal budi, yang corrupts your mind, itu juga information. Sebab itu kita categorise information dengan ilmu (knowledge). Knowledge ada yang membawa kebaikan, dan ada yang membawa kerosakan. Sebab itu dia ada information, knowledge, dan di bahagian paling atas adalah wisdom. Ini selari dengan apa yang disebut oleh Saidina Ali bin Abi Talib r.a, “lazzatul ma’rifah”, bahawa It is not just mesmorizing if information abundant of knowledge but wisdom that need to acquire. Ini sahaja mukadimah saya dengan harapan anak-anak bangkit di universiti ini sebagai first class student with first class ideals with first class character.

Arigato Gozaimasu.

Soalan 1: Bagaimana untuk menjadi pelajar yang mempunyai semangat patriotism, jati diri yang tinggi dan tidak lupa akarnya.

Jawapan: Kita Malaysia ini suatu negara yang hebat, satu negara yang mempunyai potensi luar biasa. Ada orang melihat dari sudut negatifnya kerana kepelbagaian kaum, agama dan wilayah.

Tapi kita sebagai manusia yang waras tahu kepelbagaian ini anugerah tuhan. Kita tidak memilih jadi putih atau gelap? Kita tidak memilih untuk menjadi Melayu atau Cina atau India atau Iban. Sebab itu saya katakan anugerah Tuhan. Sebab tu bila Allah angkat darjat itu, darjat manusia. Sebab itu saya katakan untuk maju ke depan kita mesti mengakar ke bumi. Kadang-kadang orang kalau tengok elit bandar ini kadang-kadang kalau bicara, tegur saya “apalah Anwar ini tekan sangat Bahasa Melayu, now the challenges in English. Of course, saya tidak menafikan kepentingan Bahasa Inggeris tapi kita akan pertahankan Bahasa Malaysia.

Jadi akar itu harus ada, budaya kita ada, sopan santun kita ada, ini kekuatan yang tidak ada di tempat lain. Kalau ada corak yang berbeda itu mengakar ke bumi. Tapi di samping itu kita mesti menggapai di langit. Kalau kita cakap akar, budaya lama ada yang lapuk, ada yang menyesatkan. Jadi mengakar ke bumi jangan kita tinggal untuk menggapai yang di langit.

Energy baru, green energy, green hydrogen, kemudian digital, Ai, IoT, semua ini menggapai di langit. Tapi kalau menggapai di langit kemudian tidak mengakar di bumi kita jadi terasing, bukan anak Malaysia. Itu yang saya tekankan. Begitu juga bila sebut Harry R. Lewis, “Excellence Without a Soul”, yang kita cuba popularkan kerana dia Dean di Harvard dulu, senior

Dean di Harvard. Siapa boleh pertikai Harvard itu pusat kecemerlangan ilmu? name it the top professor, top scholars.

Saya ingat semasa saya mengajar di Georgetown, beberapa siri kuliah di Harvard itu. Seorang profesor ataupun penceramah mesti datang mesti dengan persiapan yang cukup rapi untuk tajuk tertentu. Kerana anak itu dia latih, creative thinking, critical thinking, dia tidak hanya angguk dengar, question, meneroka alam pemikiran baru. Tetapi kata Harry R. Lewis, yes excellence.

Tapi yang tidak ada apa? soul. Dia tidak ada jiwa, tidak ada akal budi, jadi ada Boston a great universiti, di luarnya ada orang kulit hitam yang di diskriminasi. Itu tidak mengganggu Amerika, tidak menyentuh hati nurani mereka. Ada islamofobia itu tidak menyentuh mereka. Ada kemiskinan yang merempat, tidak mengganggu mereka kerana dia hidup dalam menara gading yang terpisah dari masyarakatnya. Ini disebut “excellence without a soul”. Yang kita hendak universiti ini excellence dan mesti ada soul, ini yang saya katakan mengakar ke bumi.

Saya berikan fokus yang tertinggi dalam isu gangguan mental dalam Belanjawan MADANI baru-baru ini. Sama ada isu gangguan mental dan juga anak anak yang autisme itu diberikan tumpuan dengan perbelanjaan peruntukan yang agak tertinggi dalam sejarah. Sebab saya tidak mahu bicara soal keadilan, keadilan sosial dan masyarakat ini tersisih daripada

arus perdana. Sebab itu bagi saya soal kemiskinan tegar saya tidak tolak ansur.

Ada pengajaran juga. Masa saya muda kita terlibat dalam peristiwa Baling. Anak rakyat masa itu menderita kerana kemiskinan dan harga getah yang merudum. Dan kita bantah, demonstrasi sikit, dihantar ke kemunting 2 tahun tanpa bicara. Itu latihan saya, universiti pertama selain daripada Universiti Malaya. Tapi apa pengajarannya bahawa ada keinginan untuk benar-benar selesaikan masalah kemiskinan.

Sebab itu kita perkenalkan penyasaran subsidi. Kita perkenalkan T15 ini. Maknanya orang kaya bayarlah lebih sikit. Sekarang subsidi bagi subsidi RON95. Yang mahasiswa naik kereta ke motor pun bagi subsidi. YBhg. Tan Sri Syed Azman Rolls Royce pun subsidi juga (nothing personal – nada seloroh). Maknanya kalau dia bayar bukan bayar extra tidak, bayar tanpa subsidi. Itu sahaja yang kita buat. Maknanya bagi 85% rakyat kita bagi subsidi. 15% teratas yang sedang kita kaji berapakah RM13,000 mungkin agak terlalu rendah, hendak tingkatkan lagi tetapi yang RM100,000 sebulan ada sejuta ringgit pendapatan sebulan.

Tapi kalau dengar perdebatan di Parlimen. Saya lemas juga, lebih ramai Ahli Parlimen yang berbicara pertahankan T15 daripada yang rakyat 85% yang bawah M40 dan B40. Jadi saya rasa aneh, YB Zambry, YB Khalid mendengar tengok dalam perdebatan, apa hendak jadi sampai anti maha kaya, saya tidak anti maha kaya. Saya cuma kata kamu kaya, janganlah kita

ambil subsidi. Kamu kaya bayarlah. Hendak pergi hospital kalau hospital Kerajaan, pendapatan kamu RM100,000 sebulan, bayarlah sikit, maka yang hospital itu boleh. And now universiti termasuk UPNM, kalau ayah saudara pendapatannya RM100,000 sebulan, saya rasa munasabah, kita ambil sikit yuran tambahan berbanding maknanya tidak semua sponsor. Saya rasa munasabah, apakah itu discriminate? tidakkah dia mampu? apakah beban dia sampai bayar tinggi? tidak, bayar ala kadar, dengan ini pendapatan universiti bertambah, kita bantu yang di bawah. Ini sahaja falsafah kita.

If you want to assist and care for the poor, we must have adequate resources, we inherent a huge debt of close to RM1.5 trillion. We don't want to tax the people. So, we tax a little the very rich and we will drawing subsidy to the very rich. With that essentially the philosophy of the economic philosophy of people. People said Robin Hood, is not even Robin Hood is just be drawing the subsidy, which means we Malaysia happens. We want the few countries in the World with the highest subsidy and the least tax base, smallest tax base. So, we subsidise everybody. Can you imagine electricity, before we conducted this program, implement this subsidy rationalization, the riches men in the country, to our policy misguided, get subsidy from government for his ten to fifteen air conditioning in his house, I mean, that is not fair.

Are we will taxing extra? No, we just saying you pay cost price, don't subsidy. To me its fair. If they want to make use of this as a political issue and see that we are unfair or unjust as they do, is their business. Saya hendak bagitahu saudara saya sudah lama bertarung di luar namun saya

dapat mandat dengan teman-teman saya. Insya- Allah we will do our best. Kita akan laksanakan sebaiknya selamatkan negara ini dan selamatkan rakyat terbanyak. Insya-Allah.

Soalan 2: Sebagai sebuah negara Islam yang kecil seperti Malaysia ini, apakah peranan Malaysia di arena antarabangsa dalam mencari resolusi perdamaian dan seterusnya peranan kami sebagai belia ataupun mahasiswa dalam membantu amplify ataupun membantu suara rakyat di Gaza?

Jawapan: Anak-anak kena fikir naratif, bahasa yang disebut. who dictates the language of this course? itu the western media, the western capitalism, bagaimana dia terangkan perkembangan di Gaza? peperangan di Gaza? mana ada perang di Gaza? yang ada adalah serangan ganas rejim Israel ke atas rakyatnya tanpa alatan ketenteraan.

Kalau ada pun kelompok-kelompok kecil itu hanya rebel forces. Macam guerilla warfare dulu. Tapi ini bukan perang, ini kita kena betulkan istilah. Serangan ganas Israel, bukan hari ini 68 tahun, terus-menerus tanah dirampas, rumah dia rampas. Sekarang ini pembunuhan beramai-ramai disebut genocide. Orang di Amerika yang bicara mempertahankan Israel, apakah dia tidak ada ilmu? dia ada ilmu. Apakah dia tidak punya cukup information? dia ada cukup information. Masalahnya di mana, masalah itu kemanusiaannya, manusiawinya dan nilainya.

Sebab itu ada kaitan dengan Malaysia, saya paling tidak tolerate di Malaysia ini. Orang tanam kebencian kaum. You know ini semua bibit racism ini di Malaysia pun ada bibit itu. Kita akan bekerjasama dengan mata macam kita, bukan mata yang sepet dan warna kulit kita bukan warna kulit lain gelap apa dia ini you ini orang Islam ke? apakah orang Islam itu mengizinkan penghinaan kerana kulit? apakah bukan Bilal? bukankah Bilal punyai bibir yang tebal dan warna kulit yang hitam tapi di dakap oleh keluarga Rasulullah SAW sebagai anggota keluarga. Saudara ingat masa Bilal itu bersama sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan salah seorang daripada mereka panggil Bilal “Yabna Sauda” hai anak orang wanita kulit hitam, itu disergah oleh Rasulullah SAW 3 kali. Apakah hitam dan ya hitam, dulu dia hamba memang dia hamba, apakah factually correct bila disebut kamu anak orang kulit hitam, betul tetapi dari segi nilai dan akhlak dan akal budi itu menghina mereka dan apa jawab Rasullullah SAW, “dia Bilal itu ahli bayt – ahli keluarga aku”. Jadi saudara-saudara anak-anak sekalian kita kena latih begitu.

Orang kata Anwar ini pro cina sebab dia baik dengan DAP, nothing to do with that. Tapi ini kemanusiaan, apa hebatnya Melayu ini. Melayu ini kena paling tinggi budayanya, paling halus dan sopan santunnya. Melayu ini asalkan jangan kamu hilangkan martabat dia dan prinsip dia, bahasa kita, agama kita, budaya kita, sastera kita itu identiti kita. Kita rangkul semua yang lain. Apakah ini baru? tidak, daripada Kesultanan Melayu Melaka ada penasihat di kalangan orang India, ada khalifah-khalifah besar, penasihat-penasihat orang Kristian dan orang bukan Arab dan orang Yahudi, tapi dipilih orangnya yang ada nilai dahulu.

Ini bermakna sentimen kaum kena jaga. Berbalik kepada soal Gaza ini, yang saya kaitkan ini kerana sentimen kaum itu dan kebencian terhadap Islam dan Arab itu keterlaluan. Apa kupasan pasal ni baru? tidak. Ada salah seorang sarjana dari Columbia University yang terkemuka Edward Said, Kristian Arab, dia tulis apa yang disebut “Devastating Critic of Western Anthropology and Social Sciences” tahun akhir 70an. Saya fikir karyanya orientalisme, dia tunjuk bukti bagaimana sarjana-sarjana barat ini tanam sampai orang yakin yang bukan barat itu inferior yang bukan kristian itu tidak sama status.

Maka sebab itu disebut masa penjajahan dulu dia sebut tentang christian mission untuk menyelamatkan orang memberikan tamadun kepada orang-orang yang dijajah. Jadi ini mentaliti ini yang tersangkut. Saya kadang hairan sebahagian kawan-kawan saya pernah di Amerika. Bagaimana kawan yang baik? tapi tidak semua saya mengajar umpamanya di University Georgetown, itu majoritinya menentang imperialisme, majoriti profesor dan mahasiswanya itu menentang zionisme dan keganasan Israel ke atas Gaza.

Kita negara kecil bukan maksud kita mampu perang dengan sesiapa. Tetapi kita juga manusia, kita ada nilai kemanusiaan orang dibunuh setiap hari, rumah di bom, masjid dimusnahkan gereja dimusnahkan harian, paling tidak kita bersuara.

Itu yang mampu dan anak-anak harus disedarkan bukan dengan picisan, kadang-kadang ceramah-ceramah agama, picisan benci dan benci tidak ini bukan kita kebencian itu terhadap kezaliman, bukan kebencian terhadap orangnya, terkawalnya atau agamanya. Sebab itu kita harus teliti, saya anggap mahasiswa ini mesti ada apa yang disebut pencerahan critical thinking, mungkin creative and critical kalau tidak kita dengar, factually flood dari segi agama pun flood sebab agama ini dia menekankan soal kemanusiaan. Kita sebagai orang Islam, soal akidah, soal akhlak, soal sahsiah keperibadian tetapi berhubungan dengan lain itu ada kemanusiaannya. Saidina Ali bin Abi Talib pernah ditanya apa hubungan kamu dengan orang Islam, apa beza bukan Islam? jawapan itu tajam. Apa jawapan Saidina Ali, akhukum fiddin, saudara kamu dalam agama kerana ini ad in daulah Islam dan semua ya persahabatan.

Jadi oleh itu kalau orang bukan Islam macam mana, saudara kamu dalam agama Islam dengan bukan Islam macam mana dengan Islam. Dengan yang lain akhukum, digunakan istilah akhukum saudara kamu fill in saniyah – saudara sesama manusia, mesti kategori manusia ini ke bila kalau ada kefahaman begitu dia tidak jadi cetek bebal seperti mana ada sekarang dari dalam soal Haza tanpa kira sama ada orang itu keturunan Yahudi iaitu keturunan arab kezaliman tetap kezaliman dan yang kita bantah keras ini kerana bagaimana manusia dengan tahap tamadun sekarang 2024 dengan segala kecanggihan ilmu masih mengizinkan kezaliman dan kita tidak berupaya apa.

Semalam Putera Mohammad bin Salman, Arab Saudi maklum ada persidangan khas OIC di Riyadh dan minta saya hadir, jadi saya jawab saya

kata Insya-Allah saya cuba. Tapi saya kata harus adalah yang juga kuat sikit. Kalau tidak menjadi lemah.

Tengok kenyataan-kenyataan Amerika dan UK, Israel has a attached Iran we must strongly encourage Israel to stop this and then next time we warn Iran not to reiterate it, ini apa punya perhubungan antarabangsa ini. Tapi teorinya kita memang tidak ada istilah justice. No, is there humanity, tidak ada, jadi tidak ada justice, tidak ada humanity. Bagaimana boleh kita cakap pasal hubungan antarabangsa tanpa memikirkan soal kemanusiaan dan soal keadilan? jadi kalau saudara tanya saya memang kadang-kadang sahabat-sahabat saya nasihat “Anwar you negara kita negara kecil jangan keras sangat, kita pelaburan daripada Amerika tinggi.” Tapi saya kawan baik juga, begitu di Vientien saya jumpa Antony Blinken satu jam, bercakap bab pelaburan bab Gaza, bab Labenon kita sebut, jadi sebab berkawan Amerika janganlah baik dengan Putin Rusia, saya kata itu masalah kamu lawan, janganlah suruh kami pula, kami ini negara merdeka dan berdaulat kami buat keputusan untuk kepentingan rakyat kami dan negara kami. Dengan China begitu juga problem, tapi apakah kita hentikan hubungan baik dengan Amerika? tidak juga ada keupayaan ada tahap. Jadi dalam hubungan antarabangsa itu tidak apa.

SOALAN 3: Seperti yang Dato’ Seri katakan ‘mengapai ke langit dengan perubahan-perubahan baru seperti AI’. Seperti yang Dato’ Seri maklum, AI itu sendiri telah memberikan perubahan yang besar dalam kalangan pelajar. Yang paling ketara sekali adalah dalam kalangan pelajar universiti. Dalam masa yang sama, kesannya telah menyebabkan pelajar-pelajar semakin bergantung kepada AI itu sendiri dan kurang untuk berfikir

kerana dia terlalu mengharapkan AI. Saya minta pandangan dan saranan Dato' Seri tentang penggunaan AI dalam kalangan pelajar?

Jawapan: Penemuan dalam alam pemikiran baharu AI itu sesuatu yang sangat penting bagi manusia. Tetapi AI itu, saya tanya Microsoft Chief, saya tanya Nvidia, maknanya one of the top AI company, saya tanya macam mana ini, AI ini rekaan barat dan kadang-kadang yang dimasukkan itu pemikiran barat, nilai barat? dia jawab itu menarik, dia kata, "Prime Minister, you train your guys to be competent enough to give the necessary input so that what is being digested by AI and then presented to you, fit in with your mindset, your religion, your culture and your history", itu menarik. Itu satu bab, maknanya apa yang dimasukkan dalam korpus ilmu AI itu, itu yang akan dimuntahkan keluar tidak ada yang luar daripada itu. Jadi oleh itu, peranan kita melatih apabila disebut AI ini yang sebagaimana saudara Zambry telah bergerak ke depan dengan beberapa universiti telah menumpukan, penekanan kita itu bukan sekadar menguasai disiplin AI per say, tetapi untuk memastikan bahawa masukkan itu memenuhi semua. Kalau umpamanya sebelum ini dimasukkan kalau AI dalam isu religion itu west, tapi kalau kita masuk, kita masukkan. It is not the problem of Ai tapi it is the problem of user. Jadi sebab itu kita jangan jadi negara yang meminjam dan meniplak, tetapi mesti negara yang juga dalam usaha menggapai ke langit itu, meneroka alam dan disiplin baru, menyediakan masukkan yang boleh membantu, itu satu.

Keduanya, kita tahu bahawa ini ada batasan dia, sebab itu kalau kita tidak menggunakan pemikiran, jawapan daripada AI yang dimuntahkan keluar itu sudah menjadi mutlak. Jadi ini tidak cukup. Sebab itu asas kita, ilmu

asas, nilai dan akhlak asas, keyakinan, akidah dan akhlak itu juga penting, supaya apa yang dimuntahkan itu dapat kita nilai dan pilih apa yang kita anggap utama dan apa yang kita anggap terkeluar daripada korpus pemikiran dan keutamaan kita.

Yang saya nak tekankan ini adalah point yang anak sebut tadi, itu betul, kebergantungan kita itu keterlaluan sehinggalah setelah ada AI, dia tidak baca lagi dah, ataupun seperti mana kita Google sekarang ini, semua jawapan Google, tapi Google itu adalah jawapan rumusan dan ringkasan, yang tidak kita lakukan dengan membaca. Jadi, membaca itu ialah apabila menelaah buku, dia melihat daripada keseluruhan pemikiran, dia tidak ambil satu cebisan, itu bahaya dia. Bukan maknanya maklumat itu tidak betul, tetapi konteks itu kadang-kadang tidak betul. Ia apa-apapun, termasuk belajar Quran, dia ada teks dan konteks, dia ada ayat, tafsir dan ta'wil, itu dia beda awal lagi sudah dilatih semasa belajar Quran umpamanya, dia ada apa yang disebut translation and interpretation. Sebab itu saudara dengar satu ceramah, dia ikut fikiran dan analisis dia. Tafsir-tafsir pun begitu juga, jadi dengan AI ini tidak ada perubahan, cuma bedanya AI itu mempunyai kekuatan baru, korpus intelligence itu terlalu besar, itu sahaja bedanya. So you can rely. Bukan saya nak cadangkan untuk kurangkan tidak, boleh cuma jangan tinggalkan asas, you have to read, you have to learn, you have to digest, you have to be critical. Baru boleh memanfaatkan AI dengan sebaiknya.

Soalan 4:

Ingin bertanyakan pendapat YAB Perdana Menteri untuk niche pertahanan ini diperluaskan universiti pertahanan untuk mendapatkan kerja-kerja yang luar daripada Pertahanan.

Jawapan: Saya tidak mampu jawab keseluruhannya sebab ada bidang yang belum saya kuasai. Mungkin saya kena bincang dengan Menteri dan Naib Canselor. Cadangannya ialah untuk melatih dan membuka ruang, cadangan itu baik tetapi saya tidak pasti sebab kadang-kadang dia pengkhususan, kita hendak specialise university for defend atau internal security, umpamanya adakah kita patut buka ruang sebab defend and security itu kadang-kadang di luar daripada kementerian dan boleh jadi swasta. Ini boleh buka ruang. Saya mengaku saya tidak menguasai subjek ini lagi.

Saya minta nanti pandangan sahabat-sahabat saya dalam Jemaah Menteri dan mungkin nanti Naib Canselor hendak beri pandangan.

Cadangan yang awal itu ialah kerana kesesakan tempat ini. Apakah ada kemungkinan? of course not immediately, saya ini walaupun Menteri Kewangan saya selalu cakap terus terang kita tidak ada keupayaan untuk segera untuk memindahkan, tapi yang boleh kita lakukan segera ialah membesarkan, meningkatkan keupayaan sementara di sini kalau ada perkara yang mendesak, macam kita lakukan di Fakulti Ai, Jabatan Ai universiti, itu kita tambah. Kemudian keupayaan untuk research. Research ini memang dikritik. Research ini dilakukan oleh kerana penyelidikan.

Penyelidikan ini termasuk pertahanan, termasuk risikan. Research is a critical, ada yang mengatakan terlalu sedikit, tapi saya kata tidak benar sebab saya bincang dengan Petronas, TNB dana untuk penyelidikan ini tinggi mencecah bilion ringgit.

Begitu juga sektor swasta, swasta termasuk Sime Darby itu swasta, pendidikan dan sains negara itu mesti selaras dengan research atau pendidikan di universiti. Apa yang diperlukan sekarang adalah penyelarasan. Saya akan pengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara, dulu saya cadangkan bahawa semua institusi penyelidikan dan sains negara itu mesti selaras dengan research atau penyelidikan di universiti. Sekarang kita tambah lagi termasuk juga GLIC dan syarikat swasta yang specialize dalam beberapa bidang research supaya research capacity kita itu akan melonjak.

Tapi berbalik soalan saudara, saya perlu waktu saya hendak hendak bincang dengan mungkin Naib Canselor boleh kita bagi pandangan kemudian dan menteri-menteri akan teliti dan bawa sama ada boleh diperluaskan skop, berpindah dasarnya saya tidak fikir ada masalah tetapi saya dilatih untuk jangan jawab kalau belum menguasai sebenarnya subjek itu, it doesn't mean that Prime Minister should be able to answer all questions ha, jadi i think he has to be humble to acknowledge that some areas he needs to learn. Ini saya belajar juga daripada apa Islam sebut sikap yang tawaduk, tidak merendahkan darjat saya kalau mengaku bahawa ada bidang yang saya tidak kuasai.

Macam Saudara Zambry tahu, i struggle very hard to learn a contact the expert read the day sebelum saya berani lontarkan itu. Kerana dalam budaya dan tradisi saya belajar termasuk mengajar termasuk Ai itu ilmu cabang ilmu yang baru, disiplin yang baru jadi kita begitu.

Dan apa yang saya ingat, to be honest, ini yang selalu saya sebut tadi yang TS Eliot tadi, ini selalu kepada mahasiswa selalu saya ingatkan sangat penting iaitu jangan dengan sedikit ilmu jangan takbur, jangan terlalu sombong, jangan kita ini expert dalam semua bidang belajar sikit sama ada bidang teknologi kerana kita sudah pakar, pergi skip pelajar sekolah agama terus jadi orang ulama. Same isu same problem, TS Eliot menyebut Is the only wisdom we can hope to require is the wisdom of humanity. Humanity is endlessness. Jadi satu-satunya makrifah, kebijaksanaan seorang manusia boleh kuasai dan sikap rendah dirinya, ada yang dia tahu, ada yg dia nampu tahu, is the wisdom of humanity, humanity is endlessness.

Soalan 5: Adakah sebab terlalu bergantung kepada gajet ini dan sebagainya menyebabkan tiada komunikasi juga menyebabkan satu sebab masalah yang berlaku seperti balik kepada asas tadi kesihatan mental, gangguan mental sebab kurang interaksi dan salah interpretasi disebabkan terlalu sangat mengikuti gajet ini sehingga tidak ada lagi interaksi di sini.

Jawapan: Ia jadi seperti satu bentuk ketaksuban, satu bentuk kefanatikan. Its wrong, sebab tidak mungkin kebergantungan kepada gajet ini dapat

menggantikan apa yang disebut nilai dan kemanusiaan, hubungan kita dengan ibu bapa kita, keluarga kita, dan sahabat-sahabat kita. Kebergantungan keterlaluannya itu menjadi masalah. Ini dikenali pasti bukan baru, sejak zaman 80-an, apabila ada komputer dengan masa itu dipanggil, masa itu tidak ada WhatsApp lagi, tetapi dipanggil blog. Even masa itu pemikir-pemikir dalam bidang pendidikan telah bagi amaran, dia bimbang anak-anak muda ini akan bergantung kepada gajet dan akan meninggalkan budaya membaca. Dia hanya tengok kuliah lepas tu tengok gajet, lepas itu zero. Lulus universiti? Ya saya lulusan cemerlang UPNM, setelah 5-6 tahun lulus, tanya baca buku apa? Saya hanya pakai gajet. To me it's failure. Sebab nilai, ilmu itu masih perlukan buku. What I mean is mesti ada this love for scholarship, maknanya scholar, iaitu ilmu (lazzatul ma'rifah).

SOALAN 5: Soalan saya berkaitan keusahawanan. Seperti yang Dato' Seri sedia maklum, kami mahasiswa juga diberikan pengetahuan tentang bagaimana cara untuk membina start-up company sendiri selepas kami graduate. Adakah terdapat sistem sokongan daripada pihak Kerajaan kepada kami mahasiswa untuk menggunakan start-up kami sendiri selepas kami graduate untuk bersaing dengan syarikat sedia ada di luar sana.

Jawapan: Start-ups ini satu ikhtiar yang sangat penting, termasuk bila tengok Silicon Valley itu, memang hebatnya adalah kerana start-up. Bila berjaya ia boleh mengatasi established companies. Tetapi, start-up ini harus dibantu, di Silicon Valley, ada satu big foundation, yang dipimpin oleh Mitch Kapor (Mitchell David Kapor), seorang Yahudi yang merupakan partner kepada Steve Jobs, kemudiannya buat satu foundation yang

membantu Start-up. Dia bagi tahu saya, kebanyakan Start-up failed first round, 70% failure, tinggal 30% average probably 5% yang excel. Jadi bila you start itu, you kena fikir, cuba dengan keadaan dan kudrat yang sebaik mungkin, kalau gagal itu bukan the end, tetapi mesti teruskan ke tingkat kedua dan tingkat ketiga. Ini pandangan daripada salah seorang pakar yang memang fokusnya itu, dia dan isterinya Freada, menerusi buku yang ditulis daripada pengalamannya dengan Start-ups yang dia bantu tetapi dengan failure rate yang sangat tinggi tapi kalau orang itu tekun, boleh meningkat lagi.

Di negara kita, ada beberapa dana bawah keusahawanan termasuk TEKUN, dan juga PETRONAS dalam bidang masing-masing, MITI ada, MARDEC, MERANTI, itu antara agensi-agensi yang boleh membantu. Umpamanya Aerodime, syarikat Bumiputera Malaysia yang membuat drone, yang dibantu oleh Khazanah dan KWAP (Kumpulan Wang Amanah Pencen), di antara yang sukses dan sekarang menjadi syarikat di antara yang top di dunia. Pimpinan Google, Ruth baru-baru ini jumpa saya, dia kata untuk Google, semua drone yang dibeli untuk keperluan civil (keperluan awam) itu adalah daripada Aerodime, syarikat Malaysia. Itu start-ups.

Farm Fresh adalah permulaan Start-up, dibantu oleh Khazanah dan sekarang menjadi Farm Fresh besar. Tapi puluhan dan ratusan yang tidak meningkat itu ada. Pinjaman ada melalui Khazanah, TEKUN dan beberapa agensi. Dan mungkin jika yang betul-betul ready dan berminat boleh contact Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertahanan, kita boleh hantar pegawai-pegawai yang terlibat atau pengurusan terlibat dalam

agensi yang saya membantu ini untuk menemui saudara-saudara. Anak-anak boleh jumpa dan dia boleh terangkan apa yang Kerajaan sediakan.

SOALAN 7: Malaysia akan mempengerusikan ASEAN pada tahun hadapan. Apakah ada peluang untuk pelajar-pelajar UPNM terlibat dan juga penglibatan pelajar-pelajar dalam khidmat komuniti bukan setakat buku teori tetapi bersama-sama dalam masyarakat?

Jawapan: Menarik Jessica, ini cadangan yang baik. Mesyuarat menteri-menteri ada, mungkin apabila Dato' Seri Khaled mempengerusikan Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN, itu diambil kira universiti or related defence training institute itu dipertemukan untuk berbincang. Saya ingat satu cadangan yang baik, saya tidak teringat, kalau yang setakat yang saya tahu, tidak termasuk dalam kerangka program kita, tapi boleh kita masukkan atas arahan UPNM.

Harapan kepada Malaysia itu sangat tinggi, rakan-rakan saya dalam Jemaah Menteri itu tahu. Tahun ini LAOS, dan kita telah dilantik dan sepanjang 2025, nanti mesyuarat pun kita adalah yang terbesar yang pernah diadakan untuk ASEAN. Sebab, dahulu ASEAN ini dia ada head 10 negara ASEAN plus China plus Korea, plus Japan, plus India, plus Amerika, plus Europe, plus Brazil. Itu walaupun namanya ASEAN tapi sudah setengah dunia.

Keduanya, pertama kali dalam sejarah kita negara-negara Arab Teluk, Gulf Corporation Council (GCC) setuju untuk mengadakan mesyuarat ASEAN plus GCC (Arab Saudi, UEA, Qatar, Kuwait, Bahrain) plus China, ini kita akan buat berasingan daripada program kita yang akhir tahun, biasanya Oktober atau November dengan Amerika, Kanada, Australia, New Zealand, itu semua walaupun namanya ASEAN. Kalau di Asia ini semuanya masuk, sekarang ini India, China, Japan, Korea, Australia, New Zealand, plus ASEAN, kemudian plus Amerika, plus EU, plus Brazil sebab dia pengerusi G20. Jadi big challenge untuk kita. Sebab itu kita buat beberapa kali pertemuan.

Dan untuk menyusuli pandangan Jessica tadi, mungkin sempena Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN diadakan satu program di mana universiti pertahanan atau institut pertahanan diadakan program yang melibatkan mereka untuk good exposure. Good suggestion.

PENUTUP

Nasihat ini percuma sahaja. Betul ke nak dengar ni? Baik, kita ini dianugerah Allah SWT, kita dapat kesempatan yang baik, daripada ratusan ribu di luar, anak-anak di sini di antara yang terpilih dan saya tekankan seperti mana yang saya sebut dalam mukadimah iaitu jarangnyanya punyai keyakinan dan kepercayaan, maknanya seolah-olah anak-anak ini punyai national trust, harapan pimpinan, rakyat dan negara ini, kepada 'crème de la crème' maknanya yang terpilih, yang diamanahkan bukan soal sahaja

kepintaran ilmu tetapi diserahkan kepada anak untuk jamin pertahanan dan keselamatan negara.

Jadi jangan pandang ringan. Tidak ramai yang punyai tanggung jawab yang sedemikian. Jadi kalau tanya saya apa nak buat? Menimba ilmu sebaik mungkin, melatih diri dengan kecekalan dan akhlak yang baik, yang boleh memikul amanah yang besar ini.

Oleh kerana anak-anak dalam gedung ilmu, gedung ilmu itu bukan hanya untuk menimba ilmu tetapi melatih kecerdasan melalui pencerahan, pemikiran lebih terbuka, perbincangan yang lebih meluas, kesabaran dan kebijaksanaan untuk menerima perbezaan. Tetapi terasnya adalah ilmu dan nilai. Kalau tanya saya sebab apa saya bersama-sama saudara-saudari datang ke sini hari ini ialah kerana kita meletakkan harapan yang tinggi.

Setakat yang saya boleh bagi jaminan, apa yang diperlukan yang segera untuk perbaiki kemudahan atau tingkatkan keupayaan itu Insya-Allah. Kita lihat apa keperluan yang mendesak, kita akan bantu sedaya upaya, tetapi biarlah ada principle of reciprocity. Kita akan buat yang sebaiknya kepada anak-anak dan saya harap anak-anak juga buat sebaiknya untuk anak-anak, keluarga dan untuk negara.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/11/nota-percakapan-yab-perdana-menteri-program-temu-anwar-di-upnm/>